

SOALAN NO. 155

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan keberkesanan *Flexible Work Arrangements* (FWA) terutama Kerajaan memberi potongan cukai tambahan sejak Bajet 2014.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

YAB Perdana Menteri melalui Bajet 2014 telah menggalakkan semua majikan untuk melaksanakan Aturan Kerja Anjal atau *Flexible Working Arrangements (FWA)* dalam organisasi masing-masing. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan aturan kerja anjal, perbelanjaan latihan dan fi konsultasi yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan. Di bawah Bajet 2014, majikan dicadangkan melaksanakan aturan kerja anjal yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat kerja. Skim ini boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti Bekerja Dari Rumah (BDR), *Flexi Working Hours (FWH)* dan *Modified Compressed Work Week (Mod-Week)*. FWA ini dilihat akan dapat membantu wanita mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga serta mengelakkan wanita bekerjaya berasa tertekan dalam mengimbangi antara tekanan kerjaya dan komitmen ke atas keluarga lalu memilih jalan singkat untuk meninggalkan kerjaya.

Berikut pengumuman tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mencadangkan agar projek rintis dilaksanakan dan Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah antara kementerian yang menyahut seruan tersebut. Kementerian kini sedang dalam Fasa Ke-4 pelaksanaan projek rintis FWA yang disertai seramai 58 orang pegawai dan kakitangan sokongan kementerian dan agensi di bawahnya.

Walau bagaimanapun, kementerian tidak mengawal selia syarikat-syarikat yang melaksanakan FWA di organisasi masing-masing dan dicadangkan supaya keberkesanan sistem jadual kerja waktu anjal di sektor swasta diperhalusi dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kewangan Malaysia.